

# TINTA E - BULLETIN

Bulanan

MAC BIL. 03/ 2024



PERKONGSIAN ILMU

## SURAH AL-JUMU'AH

Surah ini dinamakan Al-Jumu'ah kerana surah ini menyebut tentang hukum solat jumaat. Surah ini mengajak kaum lelaki untuk segera mengerjakan solat Jumaat dan haram bagi mereka berjual beli ketika azan Jumaat dikumandangkan.

Selain itu, di akhir surah ini, diberikan peringatan kepada orang yang berpaling daripada menunaikan solat Jumaat kerana sibuk dengan urusan perniagaan atau urusan lain-lainnya.

Bushra Talib (2021) *Disebalik 114 Nama-Nama Surah* (Edisi ke 8) Padu Resources

## WORLD #QURANHOUR

Program yang dinamakan World #QuranHour bakal diadakan di serata tempat di seluruh dunia. Sebagai tanda sokongan, program ini turut akan diadakan di UIS pada 4 April 2024.

Program berinteraksi dengan al-Quran melalui baca, faham dan amal tahun ini mengangkat Surah Al-Jumu'ah sebagai surah pilihan dalam membawa misi Ummah #GrandReset.

Panduan Surah ke 62 mengajak golongan 3U - Ulama, Umara' dan Ummah untuk kesatuan dan transformasi sosial. Semoga kita semua kembali mendekati ALLAH, sebaik-baik Pemberi Rezeki.

Lokasi Perdana :  
Masjid Negara, Kuala Lumpur  
**24 RAMADAN 1445H**  
KHAMIS - 4 APRIL 2024 / 12.00 - 1.00 TENGAH HARI

Ummah #GrandReset  
Kesatuan & Transformasi Sosial  
Panduan daripada Surah Al-Jumu'ah

Apa yang perlu dilakukan?  
Berkumpul dan berinteraksi bersama al-Quran dengan membaca dan mendahabur Surah Al-Jumu'ah.  
Boleh dilakukan di mana sahaja dalam dan luar negara.  
Kuti dari rumah atau ruang kerja masing-masing.  
Datang awal beramai-ramai dan bawa al-Quran terjemahan.  
Ikuti stesen langsung di

Ikuti juga dalam talian di FB:

UMMAHKHLAS FOUNDATION

**WORLD #QuranHour**  
...satu kebangkitan

24 RAMADAN 1445H / 4 APRIL 2024

**Ummah #GrandReset**  
Kesatuan & Transformasi Sosial  
Panduan daripada Surah Al-Jumu'ah

**Apa yang perlu dilakukan?**  
Berinteraksi bersama al-Quran dengan membaca dan mendahabur Surah Al-Jumu'ah.  
Boleh dilakukan di mana sahaja dalam dan luar negara.  
Selama 1 jam World #QuranHour, ambil gambar sendiri atau bersama keluarga dan rakan, membuat naik media sosial dengan tanda pagar World #QuranHour.  
Imbas QR code untuk daftar dan dapatkan bahan promosi

Ikuti siaran langsung di Astro Oasis

Ikuti dalam talian di FB Sinar Harian, QuranHour

**Solidariti bersama**  
Selama 1 jam World #QuranHour, ambil gambar sendiri atau bersama keluarga dan rakan kemudian, muat naik ke media sosial dengan tanda pagar: World #QuranHour

Bahan Promosi  
Daftar Kehadiran di Lokasi Perdana  
Daftar Hotspot

PRINCIPAL SPONSOR: UMMAH IKHLAS FOUNDATION | WUI WORLD UTMNIA ISLAMIC | MEDIASARAWAK | ENERGENIC | PETRONAS | ASTRO | KTCM | TELEKOM | MPAW | HGOJ | MPAW | HGOJ

# PEMENANG - EMERALD ONLINE QUIZ 2024

Kuiz atas talian anjuran Perpustakaan Imam Al-Syaf'i dengan kerjasama e-sumber Emerald Publishing telah berakhir pada 14 Mac 2024. Perpustakaan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua peserta yang telah menyertai kuiz tersebut.

Keputusan pemenang adalah muktamad dan segala urusan pemberian reload pin Touch 'n' Go E-Wallet akan dihantar melalui e-mel oleh wakil pembekal Emerald Publishing. Sila tonton video senarai pemenang di pautan TikTok Imam Al-Syafi'i Library.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta dan pemenang. Kami amat menghargai sokongan anda terhadap semua aktiviti perpustakaan yang dianjurkan. Dengan berakhirnya kuiz atas talian ini, diharapkan warga UIS dapat menggunakan e-sumber perpustakaan dengan lebih efisien dan seterusnya meningkatkan lagi penggunaan e-sumber perpustakaan.

